



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

**MODUL  
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN  
SPM 2026**

**MPP 3  
SEJARAH  
KERTAS 2**

Nama : .....

Kelas : .....



DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam  
modul ini tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu



SULIT

NAMA: ..... TINGKATAN: .....

NO. KAD PENGENALAN

|  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
|  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|

ANGKA GILIRAN

|  |  |  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
|  |  |  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|

## MPP 3 TAHUN 2026

### SEJARAH SPM (TINGKATAN 5)

1249/2

Kertas 2

Julai

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

#### JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka gilirannya pada ruangan yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
3. Jawab semua soalan di Bahagian A dan tiga soalan daripada Bahagian B.
4. Tulis jawapan bagi Bahagian A dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
5. Tulis jawapan bagi Bahagian B dan kertas jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.
6. Anda boleh menggunakan Kertas Helaian Tambahan jika helaian dalam kertas Jawapan tidak mencukupi.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
8. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.
9. Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.

| Untuk Kegunaan Pemeriksa |        |              |                  |
|--------------------------|--------|--------------|------------------|
| Kod Pemeriksa            |        |              |                  |
| Bahagian                 | Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| A                        | 1      | 10           |                  |
|                          | 2      | 10           |                  |
|                          | 3      | 10           |                  |
|                          | 4      | 10           |                  |
| B                        | 5      | 20           |                  |
|                          | 6      | 20           |                  |
|                          | 7      | 20           |                  |
|                          | 8      | 20           |                  |
|                          | 9      | 20           |                  |
| Jumlah                   |        | 100          |                  |

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

**Bahagian A**  
[40 markah]  
*Jawab semua soalan*

- 1 Tokoh di bawah berkaitan dengan perjuangan penentangan secara individu terhadap kekejaman dan keganasan pentadbiran Jepun di negara kita.



- (a) Namakan **dua** tokoh tersebut.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

- (b) Jelaskan sumbangan tokoh di 1(a).

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Terangkan cabaran generasi muda masa kini dalam mempertahankan kedaulatan negara.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 2 Sebelum mencapai kemerdekaan, terdapat pelbagai usaha ke arah pembentukan sistem pendidikan kebangsaan melalui penubuhan jawatankuasa pelajaran di Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah.

|      |   |                                |
|------|---|--------------------------------|
| 1956 | — | Penyata Jawatankuasa Pelajaran |
| 1955 | — | Y                              |
| 1952 | — | X                              |
| 1951 | — | Laporan Fenn-Wu                |
| 1951 | — | Laporan Barnes                 |

- (a) Apakah X dan Y ?

X: .....

Y: .....

[2 markah]

- (b) Mengapakah sistem pendidikan kebangsaan yang seragam penting dalam memupuk integrasi dan perpaduan kaum?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(c) Teliti petikan akhbar berikut.

KUALA LUMPUR : Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026 – 2035 adalah pilihan kepada ibu bapa untuk mendaftarkan anak berusia enam tahun ke Tahun Satu secara sukarela bagi membolehkan anak-anak menyertai sektor pekerjaan pada usia lebih muda.

Sumber: Diubah suai daripada <https://www.bharian.com.my>

Ulasakan.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

3 Di Malaysia, badan perundangan pada peringkat Kerajaan Persekutuan ialah Parlimen.

(a) Nyatakan dua komponen yang terdapat di bawah Parlimen

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Jelaskan fungsi Parlimen di negara kita.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(c) Negara demokrasi berparlimen perlu dipertahankan bagi memelihara kestabilan pemerintahan.

Sumber: Berita Harian, 25 April 2015

Beri ulasan anda.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

4 Rukun Negara membentuk masyarakat untuk mempunyai nilai kenegaraan yang tinggi.

(a) Nyatakan latar belakang pembentukan Rukun Negara.

.....  
.....  
.....

[2 markah]

(b) Jelaskan prinsip Rukun Negara berikut:

(i) Keluhuran Perlembagaan

.....  
.....  
.....

[2 markah]

(ii) Kesopanan dan kesusilaan

.....  
.....  
.....

[2 markah]

(c) Teliti slogan berikut.

**MALAYSIA**  
*#sehatisejiwa*

Sumber : <https://www.slideshare.net/>

Bagaimanakah slogan di atas dapat memupuk perpaduan kaum di Malaysia?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

**Bahagian B****[60 markah]***Jawab tiga soalan sahaja.*

- 5 Kemunculan kesedaran nasionalisme berlaku di negara kita dan kebanyakan negara-negara yang pernah dijajah terutama di Asia dan Asia Tenggara pada awal abad ke-20.
- (a) Jelaskan peranan golongan intelektual berpendidikan Melayu dalam membangkitkan semangat nasionalisme di negara kita. **[4 markah]**
- (b) Terangkan kesan perkembangan nasionalisme di negara kita dari aspek sosial. **[8 markah]**
- (c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

Pendidikan patriotisme merupakan agen sosialisasi yang berkesan dalam memperkasakan semangat patriotisme rakyat, namun matlamat untuk mewujudkan rakyat yang patriotik sukar untuk dicapai sekiranya inti pati pendidikan tersebut tidak diberikan penghayatan yang maksimum.

Kejayaan pendidikan patriotisme dalam melahirkan rakyat berjiwa patriotik memerlukan kolaborasi semua pihak seperti pada peringkat kanak-kanak dan remaja perlu melibatkan ibu bapa, keluarga dan persekolahan, manakala peringkat dewasa melibatkan institusi pengajian tinggi dan seterusnya diperkukuhkan oleh pendidikan melalui saluran-saluran media massa.

Pendidikan patriotisme merupakan proses sepanjang hayat kerana ancaman kedaulatan negara tidak statik dan hadir dalam pelbagai bentuk seperti ancaman ekonomi, budaya dan militer. Oleh itu, semangat patriotisme perlu ditambah nilai daripada masa ke semasa secara konsisten agar semangat tersebut tidak mudah pudar dan terhakis dalam jiwa seseorang.

Sumber: Diubah suai daripada <http://juku.um.edu.my/index.php>

Huraikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut dan kepentingan semangat patriotisme dalam mengukuhkan negara bangsa yang merdeka. **[8 markah]**

6 Undang-Undang Darurat telah dikuatkuasakan di seluruh Tanah Melayu pada Jun 1948 bagi membanteras ancaman komunis. Peristiwa ini telah memberikan kesan jangka panjang terhadap negara kita dari pelbagai aspek.

(a) Jelaskan kesan darurat dari aspek berikut :

(i) Kesan politik

[6 markah]

(ii) Kesan sosioekonomi

[6 markah]

(b) Teliti poster berikut.



Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut.

[8 markah]

- 7 Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mengumumkan pembentukan gagasan Malaysia pada 27 Mei 1961.
- (a) Bagaimanakah reaksi penduduk Sarawak dan Sabah terhadap gagasan Malaysia? [6 markah]
- (b) Jelaskan tindakan Indonesia terhadap pembentukan gagasan Malaysia. [6 markah]
- (c) Lirik lagu berikut boleh dikaitkan dengan kejayaan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat.

**Malaysia Berjaya**

Malaysia kita sudah berjaya  
Aman makmur bahagia  
Malaysia abadi selamanya  
Berjaya dan berjaya!

Berbagai kaum sudah berikrar  
Menjunjung cita-cita  
Satu bangsa satu bahasa  
Malaysia berjaya!

Dari Perlis sampailah ke Sabah  
Kita sudah merdeka  
Negara makmur rakyat mewah  
Kita sudah berjaya!

Dengan semboyan kita berjaya  
Menuju di angkasa  
Satu bangsa satu negara  
Malaysia berjaya.

Pencipta lagu : Saiful Bahri

Jelaskan mesej yang terkandung dalam lirik tersebut.

[8 markah]

- 8 Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan pada tahun 1971 bermatlamat untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat di negara kita.

(a) Terangkan usaha pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) berikut:

(i) Meningkatkan taraf hidup rakyat [4 markah]

(ii) Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) [4 markah]

(iii) Pendidikan tenaga kerja mahir [4 markah]

(b) Petikan berikut berkaitan dengan peranan rakyat dalam menjamin kesejahteraan negara.

Negara Malaysia telah berhasrat untuk menjadi sebuah negara yang maju dan gah di persada dunia dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Ini bermaksud rakyat Malaysia perlulah sedar akan peranan masing-masing demi menjamin kesejahteraan negara.

Langkah utama dalam memastikan kesejahteraan negara ialah rakyat haruslah menjalin perpaduan yang erat antara satu sama lain. Isu perpaduan telah dikenal pasti sebagai elemen yang signifikan ke arah mewujudkan masyarakat Malaysia yang unggul

Selain itu, rakyat perlulah sentiasa patriotik dan mensyukuri nikmat kemerdekaan serta kesejahteraan yang kita miliki. Rakyat juga perlulah menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja dan negara.

Sumber : Diubah suai daripada <https://terusmaju2.wordpress.com>.

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.

[8 markah]

- 9 (a) Jelaskan cabaran yang dihadapi Malaysia dalam mengukuhkan dasar luar. [4 markah]
- (b) Terangkan pelibatan Malaysia dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC). [8 markah]
- (c) Teliti gambar di bawah.



Jelaskan mesej yang ingin disampaikan oleh Malaysia kepada masyarakat antarabangsa dalam menangani isu Palestin. [8 markah]